



Kelawar Buluh Kecil

Tylonycteris pachypus

Lesser Flat-headed Bat

Famili: Vespertilioninae

Ciri-ciri

Bahagian atas badan berwarna kelabu gelap kemerahan, spesies ini berbulu lembut. Bahagian bawahnya berwarna lebih pucat. Selaput terbangnya berwarna coklat gelap. Ia mempunyai pigmen berwarna coklat gelap pada pergelangan tangan dan tapak kaki. Tubuh dan tengkorak kelawar ini sangat leper.

Taburan

Di Semenanjung Malaysia, taburan kelawar ini sangat meluas. Ia juga telah direkodkan di Singapura, India, selatan China, Myanmar dan Indonesia.

Habitat

Di dalam buluh (ruang antara ruas buluh)

Tabiat

Kelawar ini merupakan salah satu daripada spesies yang keluar terbang awal tiap-tiap petang. Ia memburu kelkatu yang berterbangan sebagai sumber makanan.